

Kajian Perbandingan Pemaparan Berita LGBT dalam Akhbar Cetak dan Portal Berita

Mohamad Yusof Helmy bin Ramli
Rani Ann Balaraman*
Mohamad Saifudin Mohamad Saleh

Universiti Sains Malaysia (USM)

*E-mel perhubungan: rani_balaraman@usm.my

Abstrak

Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) adalah suatu subjek yang masih lagi taboo dan mempunyai konotasi yang janggal dalam masyarakat Malaysia, terutamanya dalam konteks negara yang mengiktiraf Islam sebagai agama rasminya. Namun begitu, isu LGBT pada masa kini semakin kerap dibincangkan dalam media cetak, elektronik mahu pun media baharu. Peningkatan dalam jumlah pemaparan isu LGBT dalam akhbar di Malaysia boleh menunjukkan berlakunya perubahan dalam tahap sensitiviti masyarakat Malaysia dan juga perubahan dari segi penapisan berita yang dilaporkan kepada pembaca negara ini. Kajian ini telah meneroka aspek pemaparan isu-isu LGBT dalam sampel akhbar bercetak iaitu *Utusan Malaysia* dan portal berita dalam talian, *Malaysiakini*. Kajian ini menjawab persoalan tentang pola pelaporan isu LGBT dalam akhbar di Malaysia, khususnya tentang jenis tema yang kerap kali diketengahkan dalam pelaporan isu berkenaan sepanjang pada tahun kajian iaitu 2011 dan 2012.

Kata kunci: LGBT, *Utusan Malaysia*, *Malaysiakini*, Taboo, Islam

LGBT in News: A Comparative Study of Print Newspaper and News Portal in Malaysia

Abstract

The perception towards Lesbians, Gay, Bisexual and Transgender (LGBT) is still a taboo and inept subject among the Malaysian society, especially in a country that recognizes Islam as their official religion. However, LGBT issues nowadays are increasingly being discussed in print, digital and new media. The increasing numbers of LGBT portrayals in news can be assume that there is a change in sensitivity among Malaysians and there is a change in terms of censorship in news. This research explores the portrayals of LGBT issues in the sample of print news in Utusan Malaysia and online news, Malaysiakini. This research tries to answer the questions of the reporting patterns of LGBT issues in Malaysia especially on the themes that are being used whenever an issue regarding such topic is being reported in the year of 2011 and 2012.

Keyword: *LGBT, Utusan Malaysia, Malaysiakini, Taboo, Islam*

Pengenalan

LGBT adalah akronim yang merujuk kepada golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender. Istilah ini telah digunakan dengan meluas sejak tahun 1990-an bagi menggantikan komuniti gay kerana istilah itu dapat mewakili kelompok berkenaan dengan lebih menyeluruh. Dalam masyarakat Barat seperti di Amerika Syarikat, golongan LGBT masih dianggap oleh sesetengah kelompok masyarakat sebagai golongan tidak bermoral, tidak suci atau tidak berfungsi (Crisp & Padilla, 1996). Sehingga tahun 1973, golongan homoseksual disifatkan sebagai golongan yang mempunyai penyakit mental yang diwartakan dalam Manual Diagnostik dan Statistik Gangguan Mental (DSM) oleh Persatuan Psikiatri Amerika (APA, 1952).

Dari perspektif Islam, golongan LGBT disifatkan sebagai golongan yang mengamalkan cara hidup yang menyalahi ajaran agama dan seharusnya

dijauhi. Hal ini diterangkan dalam ayat Al-Quran iaitu Surah al-'Araf 80-81:

“Dan (Nabi) Lut juga ketika dia berkata kepada kaumnya: “Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas”.

Petikan ayat Al-Quran di atas jelas menunjukkan bahawa LGBT adalah perlakuan yang songsang dan diharamkan oleh agama Islam.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2017), menganggarkan bahawa Malaysia dihuni oleh 32 juta orang dengan 28.7 juta daripadanya adalah warganegara dan 3.3 juta pula terdiri daripada bukan warganegara. Menurut sumber Jabatan Perangkaan Malaysia (2010), Islam adalah agama majoriti di Malaysia (61.3%); diikuti dengan Buddha sebanyak 19.8% yang menganutnya dan agama Kristian pula dianuti oleh 9.2% penduduk Malaysia. Oleh sebab Islam adalah agama rasmi di Malaysia, sesetengah perkara yang tidak selari dengan Islam adalah dilarang untuk dilakukan termasuklah perlakuan seksual di luar tabii. Malahan, undang-undang Malaysia menetapkan bahawa sesiapa yang didapati mengamalkan kegiatan di luar tabii boleh didakwa mengikut Seksyen 377A-D Kanun Keseksaan (Akta 574) yang mengharamkan liwat dan seks songsang luar tabii.

Selain itu, kewujudan gerakan anti-homoseksual seperti Pergerakan Sukarela Rakyat Anti-Homoseksual (PASRAH) yang bertindak sebagai satu organisasi yang ingin membasmi perlakuan homoseksual dengan mengenakan hukuman yang berat dan menutup tempat-tempat perhimpunan gay telah menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam sikap tidak bertoleransi terhadap mereka yang berbeza dari segi keinginan seksual daripada seluruh masyarakat (Alagappan, 2009:25). Walau pun demikian, aktiviti homoseksual telah lama wujud di Malaysia namun ia tidak dianggap sebagai satu perkara berbahaya yang harus diketengahkan dalam akhbar tempatan (Ho, 1998).

Hakikatnya, sejak kes pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada September 1998, media terutamanya akhbar tempatan telah mengetengahkan pelbagai isu mengenai homoseksualiti. Berita yang mendapat sorotan antaranya kes Ariff Alfian Rosli yang merupakan pelajar lelaki Malaysia yang berkahwin dengan pasangan lelakinya yang hanya dikenali dengan nama Jonathan yang berbangsa Irish di Dublin, Ireland telah mendapat liputan meluas daripada akhbar tempatan kerana ianya adalah isu yang hangat pada masa itu (Huffingtonpost, 2011).

Utusan Malaysia dan *Malaysiakini* adalah media berita tempatan yang terkemuka yang dibaca dan diakses oleh pembaca tempatan. *Utusan Malaysia* adalah akhbar bercetak arus perdana yang telah wujud sekitar 1967 dan mempunyai kumpulan sasar tertentu (Raqib Mohd Sofian & Adnan Hussein, 2014: 125). *Malaysiakini* pula adalah media berita alternatif dalam talian yang terkenal di negara ini (Yang & Leong, 2015: 10). Dengan mengakses *Malaysiakini*, masyarakat boleh mendapatkan maklumat yang berbeza daripada media cetak arus perdana (Rajaratnam, 2009: 33). Oleh itu, para pengkaji memilih akhbar *Utusan Malaysia* sebagai sampel kajian mewakili akhbar bercetak dan *Malaysiakini* untuk mewakili portal berita.

Menurut Alagappan (2009), Malaysia adalah negara yang mengamalkan politik yang konservatif dan media akan melaporkan perkara atau isu yang mengikut kehendak penguasa politik kepada masyarakat setempat. Oleh itu, media di Malaysia dilihat memilih untuk menggambarkan homoseksualiti dalam bentuk yang negatif kerana ianya mengukuhkan idea atau stereotaip homoseksualiti kepada masyarakat yang berhaluan dengan politik semasa. Lanjutan itu, isu LGBT kerap kali dibincangkan umum terutamanya dalam media massa sama ada media cetak, media elektronik dan media baharu. Kita boleh mengandaikan peningkatan isu ini dalam pelaporan akhbar di Malaysia juga menunjukkan perubahan tahap sensitiviti masyarakat Malaysia dan seterusnya menjadi indikator perubahan dari segi penapisan berita yang dilaporkan kepada khalayak umum.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti tren pemaparan isu LGBT dalam akhbar *Utusan Malaysia* dan *Malaysiakini*.
2. Membuat perbandingan pelaporan berita LGBT dalam akhbar bercetak dan portal berita di Malaysia.

Sorotan Literatur

Kajian lepas tentang LGBT dalam konteks Asia adalah masih terhad dan kebanyakan daripada kajian tersebut tidak tertumpu kepada akhbar namun lebih kepada pemerhatian yang dibuat dalam periklanan dan filem.

Kajian oleh Alagappan (2009) melihat kepada analisis kandungan akhbar Malaysia dan representasi homoseksualiti. Beliau mengkaji tentang media cetak di Malaysia iaitu akhbar *The News Straits Times* (NST) melaporkan isu-isu homoseksual dan pendirian akhbar tersebut mengenai isu homoseksual di Malaysia. Selain melihat kepada cara representasi homoseksual dalam NST, Alagappan turut melihat bagaimana media membina satu realiti sosial homoseksual yang menyebabkan gejala homophobia berlaku.

Debbie Goh (2008) dalam kajian beliau di Singapura melihat bagaimana akhbar kebangsaan Singapura bertindak sebagai mekanisme bagi kerajaan untuk membina semula jaringan kawalan terhadap tingkah laku kelompok gay di Singapura melalui pelaporan yang menyatakan peningkatan kadar HIV/AIDS di negara berkenaan adalah kerana bertambahnya golongan gay (Dworkin & Wachs, 1998 dalam Goh, 2008).

Megan Sinnott (2000) yang menumpukan kepada kajian semiotik terhadap identiti seksual transgender mendapati media cetak Thailand telah memaparkan imej dan membangunkan identiti transgender atau dikenali sebagai *sexualities transgendered*. Kajian itu melihat kepada tiga kes baharu dalam media cetak Thailand iaitu kemunculan budaya lesbian gay remaja yang dikenali juga sebagai Tom-dee, larangan oleh Rajaphat

College terhadap pelajar transgender dan juga kes-kes jenayah seks berprofil tinggi kerana defendan dilabelkan sebagai seorang 'Tuy' iaitu lelaki homoseksual. Sinnott juga mendapati pemaparan media mengenai imej serta identiti seksual transgender dan homoseksual adalah bentuk wacana orientalis disebabkan adanya pengenalan atau pembentukan imej yang negatif terhadap golongan berkenaan.

Pada umumnya, lebih banyak kajian mengenai LGBT yang dilakukan di luar rantau Asia. Hal ini demikian kerana kajian yang dilakukan di luar Asia lebih terbuka dan isu yang diteroka juga mempunyai sudut pandangan yang berbeza dari negara-negara Asia. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Umika Pidaparthy (2011) telah meneroka dan menganalisis dua buah akhbar kampus iaitu *George-Ann* dari Georgia Southern University dan *The Emory Wheel* dari Emory University yang melaporkan isu-isu LGBT dalam dan luar kampus antara tahun 2002 dan 2010. Menurut Pidaparthy, kebanyakan artikel yang dilaporkan oleh *Emory Wheel* menggambarkan komuniti LGBT dan isu-isu yang berkaitan dengan cara yang positif sehingga ia telah memainkan peranan dalam usaha para penggerak yang aktif memperjuangkan hak-hak LGBT. *Emory Wheel* juga berani untuk mengeluarkan kenyataan yang mengutuk mana-mana pergerakan atau kegiatan keganasan anti-gay yang dilihat di kampus Emory berbanding dengan akhbar *George-Ann*.

Kajian lain yang turut bermanfaat telah dilakukan oleh Seungmo Kim (2014). Beliau melihat bagaimana kes *Gay Games* telah dilaporkan akhbar. Antara objektif kajiannya adalah mengenal pasti jenis isu yang diketengahkan, sumber-sumber maklumat yang dipetik dan bagaimana tema diberikan kepada berita tersebut. Menurut Kim, hubungan antara sukan dan media adalah bersifat simbiotik. Justeru itu, media memainkan peranan yang penting dalam mengenengahkan isu-isu yang berkaitan dengan sukan. Kajian ini bertujuan melihat bagaimana media membuat liputan mengenai *Gay Games* untuk memahami cara peristiwa tersebut dilihat oleh orang awam.

Melanie (2015) pula dalam kajiannya telah menumpukan bentuk pelaporan oleh akhbar Kanada dan Amerika Syarikat berhubung rang

undang-undang anti-homoseksual di Uganda. Matlamat penyelidikan beliau adalah untuk melihat kepada kesan liputan media tersebut dan juga menentukan sama ada komuniti LGBT ada melobi media mengenai rang undang-undang itu. Kajian tersebut turut melihat gambaran Amerika Utara mengenai rang undang-undang tersebut serta cara komuniti LGBT berusaha melobi media untuk mengalahkan rang undang-undang tersebut daripada termeterai.

Pada keseluruhannya, banyak kajian yang dilakukan hanya menumpukan kepada satu golongan sahaja iaitu golongan gay. Walaupun terdapat beberapa kategori LGBT, namun identiti mereka kurang ditonjolkan dalam media massa terutamanya akhbar tempatan. Justeru itu, tidak hairanlah tidak banyak kajian di Asia dilakukan berkaitan LGBT dalam akhbar tempatan walaupun isu sebegini sering kali menjadi perhatian media tempatan. Selain itu, kajian yang telah dilakukan kebanyakannya melihat kepada pendapat orang ramai mengenai isu tersebut dan tidak melihat kepada stereotaip yang berlaku terhadap golongan LGBT.

Pemaparan Golongan LGBT dalam kajian ilmiah yang dilakukan juga memberikan satu stereotaip yang sama iaitu golongan ini mempunyai masalah dan kajian yang dilakukan adalah lebih kearah menolak kewujudan golongan ini. Kesimpulannya, bilangan kajian yang menyeluruh terhadap kesemua golongan LGBT juga adalah sangat terhad.

Metodologi Kajian

Kajian ini telah mengambil akhbar bercetak *Utusan Malaysia* dan akhbar dalam talian *Malaysiakini* dengan menganalisis kandungan semua artikel yang berkaitan LGBT di Malaysia yang dipaparkan dalam kedua-dua akhbar berkenaan untuk tempoh satu tahun iaitu dari Disember 2011 hingga Disember 2012. Tempoh ini dipilih kerana pada masa tersebut, Malaysia telah digemparkan dengan kes Ariff Alfian Rosli iaitu pelajar Malaysia yang telah berkahwin dengan pasangan sejenisnya di Dublin, Ireland sehingga isu LGBT mula dibincangkan secara terbuka di Malaysia.

Dapatan Kajian

Dapatan yang diperolehi dalam kajian ini boleh dibagikan kepada beberapa bahagian yang akan menjawab persoalan-persoalan yang telah diketengahkan.

Tajuk Interpretatif dan Tajuk Informatif

Jadual 1 menunjukkan perbandingan antara tajuk interpretatif dan tajuk informatif. Tajuk interpretatif didefinisikan sebagai tajuk yang memberikan pendapat wartawan atau editor bagi agensi akhbar tersebut manakala tajuk informatif ialah tajuk yang memberikan informasi mengenai berita tersebut (Alagappar, 2009:36).

Dapatan kajian menunjukkan *Utusan Malaysia* lebih banyak menggunakan tajuk yang bersifat interpretatif pada kedua-dua tahun kajian iaitu pada tahun 2011 dan 2012 dengan sejumlah 78 dan 73 buah berita. Antara tajuk yang bersifat interpretatif adalah seperti:

1. Paderi Kahwin sejenis bukti fahaman liberal semakin menular (*Utusan Malaysia*, 16 Ogos 2011)
2. Tiada demo bantah 'raja gay' malam ini (*Malaysiakini*, 22 November 2011)

Bagi tajuk yang bersifat informatif adalah seperti:

1. Kegiatan gay dilindungi VIP (*Utusan Malaysia*, 2 Januari 2011)
2. Media perdana dakwa Anwar sokong kumpulan gay (*Malaysiakini*, 15 Januari 2011)

Jadual 1: Perbandingan tajuk interpretatif dan tajuk informatif

Akhbar	Utusan Malaysia		Malaysiakini	
	2011	2012	2011	2012
Tajuk Interpretatif	43	41	12	26
Tajuk informatif	35	32	14	39
Jumlah Berita	78	73	26	65

Sumber

Jadual 2 menunjukkan sumber yang digunakan oleh akhbar *Utusan Malaysia* dan *Malaysiakini* dalam pemaparan berita mengenai isu-isu LGBT di Malaysia. Daripada jadual tersebut, boleh disimpulkan bahawa terdapat perubahan dalam sumber yang digunakan oleh *Utusan Malaysia* dalam tempoh kajian. Pada tahun 2011, *Utusan Malaysia* lebih banyak menggunakan sumber daripada pihak kerajaan seperti pegawai polis, mereka yang terlibat dengan perundangan dan kakitangan pejabat agama. Walau bagaimanapun, pada tahun 2012, *Utusan Malaysia* lebih kerap memetik sumber daripada badan bukan kerajaan (NGO) seperti Setiausaha Gabungan NGO Malaysia (GNM) dan Presiden Kongres India Muslim Malaysia (KIMMA) dalam laporan berita mereka mengenai isu-isu yang berkaitan dengan LGBT.

Bagi *Malaysiakini*, banyak sumber berita tentang LGBT diambil daripada agensi kerajaan seperti polis, badan perundangan dan pejabat agama. Walau bagaimanapun, kebanyakan berita LGBT yang disiarkan dalam portal berita ini diambil dari agensi berita nasional Malaysia, Bernama. Pengkaji berpandangan *Malaysiakini* mengambil langkah ini mungkin kerana mengambil kira isu sedemikian adalah sensitif di Malaysia yang merupakan sebuah negara Islam. Justeru itu, *Malaysiakini* diandaikan tidak mahu mengambil sebarang risiko untuk melaporkan berita yang boleh menyebabkan majoriti rakyat di negara ini marah dan melabelkan portal itu sebagai tidak menghormati kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara.

Jadual 2: Sumber dalam berita

Akhbar	Utusan Malaysia		Malaysiakini		
	Tahun / Sumber	2011	2012	2011	2012
Badan Kerajaan (Polis & Perundangan & Pejabat Agama)		38	21	9	30
Badan Bukan Kerajaan (NGO)		37	32	9	18
Tokoh Agama		15	4	3	2
Golongan politik		25	9	2	18

Golongan akademik	8	2	-	3
Sumber golongan LGBT	3	-	6	-
Sumber tidak dikenali	4	1	-	-
Lain-lain	2	6	2	4
Jumlah	132	75	76	102

Kekerapan Arah Berita

Arah berita boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu arah berita positif, negatif dan neutral. Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendefinisikan arah berita sebagai positif apabila sesebuah berita itu mempunyai sifat-sifat, hubungan, terma, ungkapan dan frasa yang menunjukkan imej positif terhadap homoseksual. Bagi arah berita negatif pula, sesebuah berita tersebut akan memperlihatkan perbuatan homoseksualiti sebagai satu perkara yang menyalahi hukuman undang-undang dan agama; sesuatu perkara yang tidak diterima oleh khalayak umum. Bagi kategori ketiga, arah berita yang bersifat neutral ditakrifkan sebagai berita yang melihat homoseksualiti sebagai satu proses genetik dan ianya tidak mempunyai sebarang komen daripada penulis. Arah berita yang bersifat neutral juga adalah arah berita yang tidak mengkritik golongan LGBT.

Hasil kajian menunjukkan bahawa arah berita yang dipaparkan dalam *Utusan Malaysia* telah berubah dari arah berita yang neutral bagi tahun 2011 kepada arah berita yang negatif bagi tahun 2012. Daripada 78 berita yang dianalisis bagi tahun 2011, 43 berita adalah bersifat neutral, manakala bagi tahun 2012, 40 unit daripada 73 berita yang dianalisis adalah bersifat negatif. Kesimpulannya, terdapat perubahan yang signifikan dalam arah berita dalam *Utusan Malaysia*.

Malaysiakini telah memaparkan arah berita yang neutral yang menunjukkan peningkatan kepada 42 item berbanding 14 pada 2011. Selain itu, portal *Malaysiakini* telah menunjukkan sedikit peningkatan dalam pemaparan beritanya apabila lebih banyak berita yang dilaporkan adalah berita positif. Pada tahun 2011 hanya terdapat tiga sahaja berita positif manakala bagi tahun 2012, terdapat empat berita positif mengenai isu LGBT.

Jadual 3: Perbandingan arah berita

Akhbar	Utusan Malaysia		Malaysiakini	
	2011	2012	2011	2012
Tahun / Arah berita				
Negatif	32	40	9	19
Positif	3	2	3	4
Neutral	43	31	14	42
Jumlah berita	78	73	26	65

Perbandingan jenis laporan

Kajian ini juga menunjukkan perbandingan jenis laporan berita tentang LGBT dalam *Utusan Malaysia* dan *Malaysiakini* bagi tahun 2011 dan 2012. Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan berita yang dipaparkan dalam *Utusan Malaysia* mengenai isu LGBT adalah laporan yang dominan. Sebanyak 88 daripada 151 berita yang dilaporkan oleh akhbar berkenaan adalah jenis laporan yang bersifat dominan iaitu laporan berita mengenai isu-isu LGBT itu sendiri dan bukan bertindak sebagai latar belakang berita tersebut.

Sampel berita dalam portal *Malaysiakini* juga menunjukkan pola jenis pemaparan yang sama seperti *Utusan Malaysia* iaitu sebanyak 49 daripada 91 berita yang dilaporkan pada tahun 2011 dan 2012 adalah bersifat dominan dan hanya 42 berita yang dipaparkan bersifat tidak dominan.

Jadual 4: Perbandingan arah berita

Akhbar / Jenis Laporan	Utusan Malaysia		Malaysiakini	
	2011	2012	2011	2012
Dominan	88	49	2011	2012
Tidak Dominan	63	42	9	19
Jumlah berita	151	91	3	4

Tema berita

Kebanyakan tema yang dipaparkan dalam berita *Utusan Malaysia* dan *Malaysiakini* adalah tema "homoseksualiti dan undang-undang." Dalam *Utusan Malaysia* pada tahun 2011, 30 daripada 78 berita dan pada

tahun 2012 sebanyak 29 berita telah ditulis ke arah tema homoseksualiti dan undang-undang. *Utusan Malaysia* juga dilihat banyak memaparkan berita yang bertemakan “homoseksualiti & agama” dan “homoseksualiti & penyakit sosial.”

Portal berita *Malaysiakini* juga melihat tema “homoseksualiti dan undang-undang” sebagai tema yang signifikan dalam pemaparan mereka pada tahun 2012. Portal berita itu juga banyak memberikan perhatian pada berita yang bertemakan “penapisan homoseksualiti dalam industri hiburan” dan “homoseksualiti & Ideologi politik.”

Jadual 5: Perbandingan tema berita

Akhbar Tahun / Tema	Utusan Malaysia		Malaysiakini	
	2011	2012	2011	2012
Homoseksualiti & undang-undang	30	29	6	23
Homoseksualiti & agama	16	15	1	7
Homoseksualiti & Penyakit Sosial	6	11	1	9
Homoseksualiti sebagai budaya luar	14	10	4	12
Penapisan homoseksualiti dalam industri hiburan	4	-	14	2
Homoseksualiti & ideologi politik*	5	8	-	12
Homoseksualiti & seksualiti*	2	-	-	-
Homoseksualiti * Kesihatan	1	-	-	-
Jumlah	78	73	26	65

Perbincangan

Kajian mengenai pemaparan berita isu-isu LGBT dalam *Utusan Malaysia* dan *Malaysiakini* pada tahun 2011 dan 2012 merupakan satu kajian penerokaan terhadap pemaparan berita mengenai LGBT di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa *Utusan Malaysia* banyak memaparkan

tajuk berita yang bercirikan interpretatif iaitu pendapat dari penulis itu sendiri selepas melakukan kajian atau pendapat peribadi penulis seperti pandangan dari pengarang atau penulis kolum-kolum tertentu. Manakala *Malaysiakini* lebih kepada memaparkan berita kejadian dan isu-isu yang membelenggu golongan LGBT di Malaysia.

Kajian ini juga mendapati bahawa kebanyakan laporan berita yang dipaparkan dalam *Utusan Malaysia* dan *Malaysiakini* adalah bersifat neutral atau mempunyai perspektif yang tidak berat sebelah. Walaupun Malaysia merupakan negara Islam dan isu LGBT adalah suatu isu yang sensitif yang jarang dilaporkan dalam media, tetapi apa yang menariknya adalah pemaparan berita yang berkaitan dengan LGBT adalah bersifat neutral dan bukannya bersifat negatif semata-mata.

Perbincangan mengenai tema-tema berita yang dipaparkan dalam sampel kedua-dua organisasi berita ini adalah selari dengan kajian yang dimajukan oleh Kuhar (2005) dan Alagappan (2009). Dapatan kajian menunjukkan bahawa tema yang paling dominan adalah berkaitan homoseksualiti dan undang-undang serta berita-berita berkaitan dengan isu dan undang-undang yang dikaitkan dengan LGBT. Pengkaji berpandangan bahawa tema seperti ini diketengahkan sebagai sumber maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat bahawa golongan LGBT adalah sesuatu yang telarang dan tidak dibenarkan di negara ini.

Dapatan kajian ini selari dengan kenyataan Alagappan (2009) iaitu sumber yang digunakan dalam berita mengenai LGBT diambil daripada ahli politik, ketua agama, aktivis dan individu. Hal ini demikian kerana kebanyakan daripada sumber yang digunakan dalam pemaparan berita LGBT dalam *Utusan Malaysia* dan *Malaysiakini* adalah daripada pihak tersebut. Kebanyakan sumber yang digunakan oleh *Utusan Malaysia* adalah mantan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak dan Mufti Negeri. Pandangan mereka dianggap penting dan serius dan pembaca sekaligus mungkin turut terpengaruh dengan kepentingan berita tersebut.

Terdapat juga sumber dari golongan LGBT yang diambil dalam menulis berita dalam *Utusan Malaysia* dan *Malaysiakini*, tetapi pandangan oleh

golongan LGBT tidak ditekankan kepentingannya. Salah satunya adalah pandangan dari *Pastor Ou Yang Wen Feng* yang merupakan seorang *pastor gay* di Malaysia yang mengahwini kekasihnya. Pandangan beliau mengenai isu perkahwinan beliau tidak diberikan perhatian, tetapi pelaporan berita lebih memberikan ruang kepada tokoh-tokoh agama memberikan pandangan mereka.

Selain itu, pandangan dan sumber dari NGO juga banyak diberikan ruang oleh akhbar-akhbar ini. NGO ini terdiri daripada pelbagai kategori termasuklah NGO yang pro-kerajaan, NGO yang memperjuangkan hak golongan LGBT, golongan yang mengecam LGBT, NGO agama dan NGO politik. Ada yang mengutuk golongan LGB; ada yang bersikap neutral; ada yang mengeluarkan pendapat mengenai isu-isu LGBT dan ada juga yang sengaja bersuara untuk menerangkan pendirian mereka.

Kesimpulan

Dalam sebuah negara Islam seperti Malaysia, isu-isu dan berita yang bertentangan dengan ajaran agama Islam seperti isu LGBT adalah isu yang tidak akan mendapat tempat yang dominan dalam pelaporann akhbar di Malaysia. Quist dan Wiegand (2002) menegaskan bahawa representasi konservatif biasanya kurang positif terhadap komuniti gay secara umum. Oleh itu, media massa memilih untuk menggambarkan homoseksual dengan cara yang negatif kerana ini sesuai dengan idea atau stereotaip ramai terhadap golongan homoseksual yang sering dikaitkan dengan aktiviti seks rambang dan perbuatan tidak bermoral yang lain.

Hasil kajian menunjukkan pada mulanya berita-berita mengenai LGBT di Malaysia tidak diberikan perhatian oleh media di Malaysia secara langsung atau sebaliknya. Bagaimanapun sedikit demi sedikit akhbar di Malaysia memberikan peluang untuk isu LGBT ditulis dan diterbitkan untuk bacaan umum. Berita-berita itu tidaklah digambarkan secara negatif sepenuhnya tetapi ia juga tidak digambarkan secara positif. Dapatan kajian boleh merumuskan bahawa berita-berita yang ditulis lebih kepada memberikan amaran, pengajaran dan menyatakan pendirian kerajaan, golongan bijak pandai dan NGO terhadap isu golongan ini.

Perkembangan ini merupakan satu perkembangan positif dalam dunia pemberitaan akhbar cetak dan dalam talian kerana situasi ini menunjukkan media di Malaysia masih mempunyai kebebasan untuk melaporkan pelbagai jenis berita secara adil dan seimbang. Perkembangan ini juga menunjukkan bahawa golongan LGBT juga diberikan ruang untuk bersuara, walaupun bukannya secara total tetapi sedikit sebanyak suara mereka dapat diketengahkan juga.

Kesimpulannya, akhbar dan portal berita tempatan Malaysia telah mula memaparkan isu LGBT dari pelbagai sudut dan bukan hanya dari pandangan yang negatif sahaja. Yang pastinya setiap berita yang berkaitan dengan LGBT itu telah cuba diolah untuk memberikan maklumat berkaitan undang-undang dan pengajaran kepada pembaca di negara ini dan bukannya sebagai platform mempromosikan LGBT di Malaysia.

Rujukan

- Alagappar, P.N. (2009). *Language in India: Strength for Today and Bright Hope for Tomorrow*. 9(1), 24-47.
- Al-Quran 7:80-81, Edisi Pelangi HC-A6.
- American Psychiatric Association. (1952). *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders*. Washington, DC.
- Ariff Alfian Rosli, 'Missing' Malaysian Student, Weds Same-Sex Partner Jonathan and Sparks Fury in Homeland. (2 Februari 2016 - kemaskini). *The Huffington Post*. Diakses dari <https://www.huffingtonpost.com>
- Department of Statistics Malaysia (2015). *Population Distribution and Basic Demographic Characteristic Report 2010*. Diakses dari <https://dosm.gov.my/v1/>
- Crisp, C. & Padilla, Y. (1996). *Gay, Lesbian, and Bisexual Issues*. This represent a revision of the 1996 Gay, Lesbian, and Bisexual Issues Policy.
- Fong, Y.L., & Kit, L.W. (2015). *Communication/Culture and the Sustainable Development Goals (CCSDG): Challenges for a New Generation. Different Political Beliefs and Different Frame Building for an Inter-Religious Conflict: A Comparative Analysis of Malaysian Newspaper*.

- Goh, D. (2008). It's the Gays' Fault News and HIV as Weapons Against Homosexuality in Singapore. *Journal of Communication Inquiry*, 32(4), 383-399.
- Ho, V. (1998). *Malaysian Group Launches Antigay Movement*. Kyodo News Services, October 21st.
- Institute Of Medicine. (2011). *The Health Of Lesbians, Gay, Bisexual, and transgender People*. Washington: The National Academies Press.
- Lee, S., Kim, S., & Love, A. (2014). Coverage of the gay games from 1980–2012 in US newspapers: An analysis of newspaper article framing. *Journal of Sport Management*, 28(2), 176-188.
- Malaysia Demographics Profile 2014. Dicapai pada April 26, 2016 dari http://www.indexmundi.com/malaysia/demographics_profile.html.
- Sinnott, M. (2000). The semiotics of transgendered sexual identity in the Thai print media: Imagery and discourse of the sexual other. *Culture, Health & Sexuality*, 2(4), 425-440.
- Melanie, K. (2015). North American media influence: A case study of Canadian and American newspaper coverage of the Anti-Homosexuality Bill in Uganda (Doctoral dissertation, McMaster University).
- Meyers, M. (1994). News of battering. *Journal of Communication*, 44, 47-63. Perlembagaan Malaysia, Kanun Keseksaan [Akta 574].
- Pidaparthy, U. (2011). *LGBT portrayal in college newspapers: Content Analysis and comparison of The George-Anne and The Emory Wheel coverage of LGBT issues (2002-2010)*. (Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan). Department of Sociology. Emory University Diakses dari https://staging-etd.library.emory.edu/concern/parent/f1881m09t/file_sets/6108vb48x
- Quist, M.R., & Wiegand, M.D. (2002) Attributions of hate: The media's causal attributions of a homophobic murder. *American Behavioral Scientist*, 46 (1), 93-107.
- Rajaratnam, U.D. (2009). Role of traditional and online media in the 12th General Election, Malaysia. *The Journal of the South East Asia Research Centre for Communication and Humanities*, 1(1), 22-58.
- Sinkhorn, S. (2011). *Newspaper use of fear appeal in coverage of LGBT Issues* (Tesis Sarjana). Ball State University. Indiana.
- Sofian, M. R. M., & Hussein, A. (2014). Analisis kualitatif pbingkaihan akhbar The Star dan Utusan Malaysia mengenai kontroversi Majlis "thanksgiving" di DUMC. Jurnal Komunikasi, *Malaysian Journal of Communication*, 30 (1), 117-145.